

MEMO

KEPADA : **Dato Abdul Latif Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah MPC

MELALUI : **Tuan Haji Suhaimi Hamad**
Puan Saliza Saari
Pengerusi JPPK

DARIPADA : **Lee Wan Wei**
Pengurus

TARIKH : 28 April 2021

PERKARA : **MEMO PERMOHONAN PENGECUALIAN
PENGILIRAN JPPK UNTUK PEMBAYARAN KETUA
FASILITATOR DAN FASILITATOR BAGI PROGRAM
ARTIFICIAL INTELLIGENCE FOR SMEs**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

1. Untuk makluman YBhg. Dato, EEPN, MPC, MIDA dan INTEL bekerjasama dalam pelaksanaan program *Artificial Intelligence for SMEs (AI4S)*. Objektif program ini adalah untuk memindahkan pengetahuan *Machine Vision* berasaskan AI kepada 100 PKS pada 2021. Program ini dianjurkan dengan pelaksanaan bengkel praktikal selama enam hari dengan tujuan untuk mendidik dan memperkasakan para peserta agar dapat mengadaptasi *Machine Vision System* di persekitaran kerja dengan penghasilan projek *Proof of Concepts (POC)* setelah selesai bengkel.
2. Justeru, MPC telah melantik Dr Izhar Che Mee dan Encik Mohammad Fadzrul Faridz Bin Hazni sebagai ketua fasilitator dan fasilitator bagi program ini. Antara tugas mereka adalah memastikan bengkel berjalan dengan lancar dan memastikan para peserta dapat menghasilkan projek *Proof of Concepts (POC)* setelah selesai bengkel.
3. Untuk makluman YBhg. Dato', bengkel pada bulan Mac dan April 2021 telah diadakan dengan jayanya. Pembayaran bagi bulan Mac 2021 juga telah berjaya dilakukan. Walaubagaimanapun, pembayaran bagi bulan April 2021 kerana kedua-dua pembekal dikehendaki mengikut proses penggiliran. Justeru, memo permohonan kelulusan ini adalah bertujuan bagi membolehkan pembayaran kepada Dr Izhar dan Encik Mohammad Fadzrul diteruskan bagi setiap bulan bermula Mac sehingga Disember 2021. Keseluruhan bayaran kepada Dr Izhar dan Encik Mohammad Fadzrul adalah RM30,000 dan RM25,000 masing-masing bagi tahun 2021. Disertakan terma rujukan (TOR) dan jadual bayaran di ruangan *Lampiran 1 dan 2*.

4. Untuk makluman YBhg. Dato', pelantikan dan kadar bayaran ketua fasilitator dan fasilitator ini adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah MPC berkaitan Kadar Bayaran Perkhidmatan Kepakaran (Bukan Penjawat Awam & Penjawat Awam) dan Kadar Perkhidmatan Elaun Makan Minum, Penginapan, Tiket Kapal Terbang dan Yuran Kursus bagi Program Produktiviti dan Daya Saing MPC serta Jawatankuasa Pengurusan Perkhidmatan Kepakaran (JPPK) berkuat kuasa pada 15 Februari 2021.

5. Dengan ini, kami ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan pembayaran kepada Dr Izhar dan Encik Mohammad Fadzrul ini dapat dilakukan.

Sekian, terima kasih

Disediakan oleh	Disokong oleh		
		Ulasan : Disokong Tandatangan : 	Ulasan : Disokong Tandatangan : 
Aiman Zakwan Zahari Pengurus EEPN 28 Apr 2021	Lee Wan Wei Pengurus EEPN 28 Apr 2021	Suhaimi Hamad Pengerusi Bersama JPPK Tarikh : 4 Mei 2021	Saliza Saari Pengerusi Bersama JPPK Tarikh : 4 Mei 2021

Ulasan/Syor PCT
Nama : Jawatan : Tarikh :

Diluluskan/~~Tidak diluluskan~~



Dato Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh : **20/5/2021**